

# Mahathir arah dua perkara pokok lancar rancangan kerajaan

**KOTA BHARU** 22 Feb. - Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan kesemua ahli Exco kerajaan negeri dan ketua-ketua jabatan melaksanakan dua perkara pokok untuk memastikan setiap rancangan kerajaan berjalan pesat mengikut jadual.

Pertama: Setiap ahli Exco mestilah mengetahui dengan mendalamnya latar belakang dan tujuan segala dasar dan keputusan kerajaan dan menyampaikannya kepada pegawai-pegawai kerajaan di bawah portfolio masing-masing dengan

Oleh:  
**HAMZAH SIDEK**

Raya dan Kemudahan Awam, Datuk Dr. Nik Hussein Abdul Rahman dan semua ketua jabatan kerajaan.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu, hampir semua rancangan kerajaan sekarang berjalan tidak mengikut jadual, menyebabkan kos meningkat antara 10 hingga 20 peratus setahun.

"Saya boleh menyenaraikan beratus projek yang kosnya telah meningkat kerana pelaksanaannya lewat."

"Kerap kali projek Rancangan Malaysia Ketiga dimulakan pada penghujung Rancangan

kontraktor.

Beliau berharap pembinaan pelabuhan kecil di Kemasin hendaklah terus diserahkan kepada kontraktor yang mempunyai pengalaman antarabangsa membina pelabuhan di negara-negara lain.

Beliau juga menjadikan Pelabuhan Kuantan sebagai satu contoh kegagalan yang sepatutnya dilaksanakan lebih awal secara "turnkey".

Secara berjenaka beliau berkata: "Pengalaman dari kegagalan awal pembinaan Pelabuhan Kuantan itu telah mengajar saya kenapa tidak mahu membina pelabuhan."

untuk memastikan para pegawai di bawah portfolio masing-masing memahami dengan tepat setiap keputusan kerajaan.

Ini tidak dilakukan sekiranya ahli-ahli Exco sendiri tidak faham sesuatu keputusan kerajaan itu, tambahnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyebut arahan kerajaan supaya setiap bandar dihias dan ditanam dengan pokok-pokok indah sebagai satu contoh.

Katanya, dalam mengeluarkan arahan itu, bukanlah kerajaan bermaksud supaya dibina kolam renang, stadium dan sebagainya, tetapi memadailah dengan menanam pokok-pokok se-

tepat untuk mengelakkan salah tafsiran di peringkat pelaksanaan;

Kedua: Setiap projek pembangunan hendaklah dilaksanakan secepat-cepatnya bagi mengelakkan kenaikan kos yang kadangkala meningkat hingga 100 peratus daripada anggaran.

Kata Perdana Menteri, permulaan pelaksanaan sesuatu projek baginya bukanlah tarikh mengadakan mesyuarat tetapi tarikh kerja dimulakan.

"Malah kadangkala tidak penting kita mengadakan mesyuarat," tegasnya selepas mendengar taklimat mengenai kemajuan pembangunan di Negeri Kelantan yang disampaikan oleh Menteri Besar, Datuk Haji Mohamad Yaakob di sini tengah hari ini.

Turut hadir di majlis taklimat itu ialah Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauddeen, Timbalan Menteri Kerja

Malaysia Keempat dan diselesaikan pada permulaan Rancangan Malaysia Keenam sehingga kos meningkat 200 peratus," tegasnya.

Menurutnya, kelewatan sesuatu projek itu dipandang berat bukan sahaja kerana ia menjejaskan kewibawaan kerajaan di mata rakyat, tetapi yang pokoknya ialah kenaikan kos tersebut.

Bagi mengatasi masalah kelewatan projek ini, Perdana Menteri menegaskan adalah lebih baik diamalkan dasar "turnkey" dalam mana pelaksanaan sesuatu projek itu terus diserahkan kepada kontraktor tanpa menggunakan khidmat pakar perunding.

Katanya, berdasarkan pengalaman yang lalu didapati pengambilan pakar perunding kadangkala bukan sahaja melewatkan lagi pelaksanaan sesuatu projek itu kerana pihak perunding menjalankan kajian awal, tetapi nasihat hasil kajiannya juga tidak sesuai untuk dilaksanakan oleh pihak

Datuk Sri Dr. Mahathir menerangkan, walaupun pelaksanaan sesuatu projek secara turnkey itu menelan kos yang lebih mahal, tetapi yang penting ialah kejayaannya.

Katanya, tiada guna membelanjakan secara murah untuk melaksanakan sesuatu projek, tetapi hasilnya ialah kegagalan.

Mengenai arahan kepada ahli-ahli Exco supaya mengetahui dengan mendalam setiap keputusan kerajaan, Perdana Menteri berkata tujuannya ialah untuk membangkitkan para pegawai kerajaan yang akan melaksanakan arahnya tidak tersalah tafsir seperti yang berlaku di masa lalu.

Katanya, salah tafsiran itu berlaku bukanlah disengajakan, tetapi puncanya adalah kerana para pentadbir tidak berpeluang menghadiri perbincangan ketika sesuatu keputusan kerajaan itu dibuat.

Oleh itu, tegasnya, adalah menjadi tanggungjawab setiap ahli Exco

cara teratur dan menjaga kebersihan bandar dengan belanja yang rendah.

Perdana Menteri juga mengarahkan ahli-ahli Exco supaya bertanggungjawab penuh atas projek-projek di bawah portfolio masing-masing.

Katanya, tanggungjawab ahli-ahli Exco adalah sama seperti menteri-menteri dan oleh itu hendaklah mereka mengetahui tentang selok-belok pentadbiran.

Beliau mengingatkan bahawa laporan-laporan tentang sesuatu projek itu kadangkala hanya sempurna atas kertas sahaja, tetapi jika diselidiki ternyata banyak kelemahannya.

Oleh itu, tegasnya, ahli-ahli Exco hendaklah selalu melawat ke projek-projek di bawah portfolio masing-masing untuk memastikan kemajuannya sendiri.

Mengenai bidang kemajuan ekonomi Kelantan, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, masih banyak masalah yang dihadapi.